

TERMA DAN SYARAT
KEMPEN 'CLICK, PAY & EARN'

KEMPEN

1. **Kempen 'Click, Pay & Earn'** merupakan kempen kerjasama di antara PTPTN dengan beberapa rakan strategik seperti Shopee, kiplePay, BESTPay dan KelantanPAY. Kempen ini bertujuan untuk menggalakkan dan memudahkan peminjam PTPTN dan pendeposit SSPN untuk membuat bayaran balik dan simpanan secara atas talian.
2. Berikut adalah rakan strategik yang bekerjasama bagi kempen ini :
 - a) Shopee
 - b) kiplePay
 - c) BESTPay
 - d) KelantanPAY

TEMPOH KEMPEN

3. Tempoh kempen bermula **25 Mei 2021 sehingga 24 Jun 2021**;
4. PTPTN mempunyai hak mutlak menukar atau meminda tempoh kempen ini sekiranya perlu tanpa memberi sebarang notis terlebih dahulu.

KELAYAKAN

5. Terbuka kepada pengguna aplikasi Shopee, kiplePay, BESTPay dan KelantanPAY yang membuat bayaran balik pinjaman PTPTN atau penambahan deposit SSPN di dalam tempoh kempen.
6. Penentuan kelayakan adalah berdasarkan seperti yang berikut :

Rakan Strategik	Kelayakan	Pemberian Ganjaran
Shopee	Bayaran balik pinjaman atau Simpanan minimum RM100 dalam satu (1) transaksi.	<ul style="list-style-type: none">• 2,500 coins x 30 pengguna terawal ke dalam akaun aplikasi Shopee setiap hari.• Akan dikreditkan dalam tempoh sepuluh (10) hari bekerja dari tarikh transaksi.• Hanya seorang pengguna layak untuk menerima sekali sahaja coins dalam tempoh kempen.

<p>kiplePay</p>	<p>Bayaran balik pinjaman atau Simpanan minimum RM300 dalam satu (1) transaksi.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Cashback RM20 x 500 pengguna terawal ke dalam akaun e-wallet kiplePay (first come first serve basis). • Akan dikreditkan dalam tempoh tujuh (7) hari bekerja dari tarikh transaksi. • Seorang pengguna aplikasi kiplePay hanya layak untuk menerima sekali sahaja cashback dalam tempoh kempen.
<p>BESTPay</p>	<p>Bayaran balik pinjaman atau Simpanan minimum RM100 dalam satu (1) transaksi.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Tunai RM20 x 500 pengguna terawal dan RM10 x 200 pengguna berikutnya. • Akan dimasukkan ke dalam akaun yang dibayar sama ada ke akaun pinjaman PTPTN atau SSPN. • Setiap penerima layak menerima pemberian tunai sekali sahaja dalam tempoh kempen.
<p>KelantanPAY</p>	<p>Bayaran balik pinjaman atau Simpanan minimum RM100 dalam satu (1) transaksi.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Tunai RM10 x 100 pengguna terawal dan RM5 x 100 pengguna berikutnya. • Akan dimasukkan ke dalam akaun yang dibayar sama ada ke akaun pinjaman PTPTN atau SSPN. • Seorang pengguna aplikasi KelantanPAY hanya layak menerima pemberian tunai sekali sahaja dalam tempoh kempen.

7. Sebarang keputusan yang dibuat oleh PTPTN adalah muktamad. Sebarang surat menyurat, pertanyaan, rayuan, bantahan atau apa-apa cubaan untuk mempertikaikan keputusan adalah tidak akan dilayan bagi mana-mana situasi.

PERUNTUKAN UMUM

8. Peminjam dan pendeposit dianggap telah membaca, memahami dan bersetuju dengan terma dan syarat yang ditetapkan dan membenarkan butiran peribadi termasuk tetapi tidak terhad kepada data peribadi untuk digunakan bagi tujuan promosi;

9. PTPTN berhak meminda, membatalkan atau menambah mana-mana terma dan syarat di dalam kempen ini sama ada secara keseluruhan atau sebahagian tanpa notis terlebih dahulu. Pindaan, pembatalan atau penambahan tersebut adalah dianggap mengatasi pernyataan seperti mana yang terkandung di dalam bahan promosi pengiklanan yang berkaitan dengannya;
10. PTPTN berhak untuk membatalkan, menamatkan atau menangguhkan kempen ini dengan atau tanpa notis terlebih dahulu dan / atau tanpa memberikan apa-apa sebab kepada mana-mana peminjam. Untuk mengelakkan keraguan, sebarang pembatalan, penamatan atau penggantungan kempen ini, PTPTN tidak akan memberi hak kepada mana-mana peminjam untuk apa-apa tuntutan atau pampasan terhadap PTPTN ke atas apa-apa dan/ atau keseluruhan kehilangan, kos, perbelanjaan atau kerosakan yang ditanggung atau dialami sebagai kesan langsung atau tidak langsung daripada pembatalan, penamatan atau penggantungan tersebut;
11. PTPTN tidak bertanggungjawab ke atas penghantaran penyertaan yang lewat, hilang, tidak lengkap, tidak diserahkan, ditangguhkan, rosak atau salah arah sama ada disebabkan kesilapan, peninggalan, pengubahan, gangguan, penghapusan, kecurian, pemusnahan atau sebaliknya;
12. PTPTN berhak membatalkan sebarang penyertaan tanpa sebarang notis, sekiranya didapati peminjam tidak layak dan tidak mengikut terma dan syarat yang telah ditetapkan;
13. Jika peminjam didapati tidak memenuhi syarat-syarat untuk mengambil bahagian dalam kempen ini atau menebus hadiah yang diberikan, PTPTN berhak untuk membatalkan atau mengambil semula hadiah dan menganugerahkan hadiah yang sama kepada peminjam yang lain sebagaimana yang ditentukan oleh PTPTN;
14. Penyertaan peminjam di dalam kempen ini adalah atas risiko peminjam sendiri. PTPTN tidak akan bertanggungjawab di atas sebarang kecederaan, kehilangan, kerosakan atau tuntutan akibat penyertaan tersebut;
15. Segala terma dan syarat yang terdapat di dalam dokumen ini dan juga sebarang keputusan yang dibuat oleh PTPTN berhubung kempen ini adalah muktamad dan konklusif. PTPTN tidak akan melayan sebarang rayuan atau pertikaian melibatkan keputusan yang telah dibuat;
16. PTPTN boleh menggunakan penyertaan peminjam termasuk tanpa terhad kepada gambar, lukisan, teks, dan kandungan atau maklumat lain yang dikemukakan untuk tujuan promosi (secara kolektif dinamakan "Bahan"), dan nama peminjam, dan/ atau persamaannya, untuk tujuan pengiklanan, publisiti dan promosi mana mana barangan atau perkhidmatan PTPTN, untuk tempoh tidak terhad di seluruh dunia tanpa pampasan, dan dalam mana-mana media. Peminjam hendaklah melakukan segala perkara yang perlu untuk tujuan ini jika diminta oleh PTPTN.

Maklumat dikemaskini pada 24 Mei 2021